

November 29, 2017 22:26 PM

KUANTAN, 29 Nov (Bernama) — Semua sekolah di daerah Kuantan wajib menganjurkan solat berjemaah sebelum pelajar pulang ke rumah dalam usaha memperkukuhkan ketahanan diri mereka.

Pegawai Pendidikan Daerah Mohd Razali Mustafar berkata sembahyang antara salah satu pengisian utama pihaknya membina karektor warga sekolah khususnya murid-murid agar dapat mencegah daripada melakukan perkara negatif dalam mendepani dunia yang kian mencabar.

“Demi kecemerlangan murid-murid kita meletakkan lima fokus utama iaitu pembinaan karektor, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, pemimpin pertengahan (guru) dan bijak sifir.

“Untuk itu setiap sekolah menganjurkan solat berjemaah di kawasan sekolah dan untuk itu (solat) jangan sempitkan pemikiran untuk membina surau baharu atau besarkan.

“Asalkan tepat kiblat, solat berkenaan boleh diadakan di dewan atau tempat yang bersesuaian,” katanya ketika merasmikan Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Goh di sini.

Mohd Razali berkata, berikutan program itu, beliau menyasarkan kira-kira 10 peratus daripada murid lelaki beragama Islam boleh menjadi pemimpin dalam masyarakat; boleh membaca al-Quran dengan baik, menjadi imam, membaca doa selamat dan tahlil.

— BERNAMA